

05/10/2002

Pihak berkuasa dijangka dedah kes wang haram

Wan Hazmir Bakar; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Beberapa kes rasuah terutamanya berhubung penyimpanan wang haram dalam akaun bank di Switzerland dijangka dibongkar oleh pihak berkuasa berikutan pendirian tegas kerajaan dan jaminan negara itu tidak akan melindungi sebarang perbuatan jenayah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, yakin siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR), khusus berhubung kes Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), mencapai kemajuan baru bukan saja di Switzerland tetapi juga di Hong Kong dan Jepun.

Beliau, yang enggan mengesahkan adanya kes baru yang sedang disiasat BPR, berkata sebarang pengumuman mengenai perkara itu sewajarnya dibuat badan siasatan itu.

"Apa saja siasatan yang dibuat biarlah BPR mengumumkan," katanya kepada Berita Harian hari ini ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa kerajaan sedia bertindak terhadap mana-mana individu negara ini, yang didapati memiliki deposit wang haram dalam akaun di bank-bank Switzerland.

Perdana Menteri semalam menegaskan, beliau tidak mempunyai halangan jika polis atau BPR membongkar kes seumpama itu supaya mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan.

Dr Rais, yang menyifatkan kenyataan Dr Mahathir itu sebagai cabaran kepada pihak berkuasa untuk memerangi rasuah, berkata agensi penguat kuasa sama ada polis, BPR, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam, harus menyahut cabaran itu dengan melipat gandakan usaha mereka.

Katanya, usaha agensi terbabit memerangi rasuah tidak seharusnya tertumpu kepada sektor awam saja tetapi juga sektor swasta.

"Mereka perlu menjalankan tugas dengan tegas dan tidak teragak-agak untuk bertindak berdasarkan undang-undang," katanya sambil menambah, kenyataan Perdana Menteri itu sekali gus menyanggah anggapan sesetengah pihak kononnya kerajaan tidak berusaha menangani gejala rasuah.

Ditanya apakah pembabitan tokoh politik menyebabkan pihak berkuasa teragak-agak untuk bertindak sebelum ini, Rais berkata perkara itu tidak benar kerana kes rasuah paling banyak membabitkan pegawai di peringkat birokrasi.

"Malah, berdasarkan perangkaan kes rasuah sepanjang tahun lalu, pembabitan ahli politik adalah paling sedikit iaitu enam kes," katanya.

Duta Switzerland ke Malaysia, Rudolf Staub berkata, menjadi dasar kerajaannya sejak dulu lagi tidak melindungi sebarang kegiatan jenayah seperti penyimpanan wang haram dalam bank di negara itu.

Justeru, katanya, kerajaan Switzerland akan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa mana-mana negara bagi menangani perbuatan itu seperti kes membabitkan bekas Presiden Nigeria, Jeneral Sani Abacha.

"Ia adalah salah faham mengenai sistem perbankan Switzerland. Adalah tidak benar bank-bank Switzerland melindungi penyimpanan wang haram," katanya ketika dihubungi.

Ditanya apakah pihaknya menerima permintaan bantuan daripada BPR berhubung kes lain selain Perwaja, beliau berkata: "Tidak, tiada permohonan rasmi".

Pengarah Penyiasatan BPR, Datuk Nordin Ismail, ketika dihubungi, enggan mengulas. "Tidak, saya tidak akan berkata apa-apa mengenai perkara itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Bukit Aman,

Datuk Maizan Shaari, berkata polis akan mendapatkan maklumat terperinci mengenai rakyat negara ini yang dikatakan memiliki deposit wang haram dalam akaun di bank Switzerland.

Beliau berkata, fail siasatan tidak dapat dibuka kerana belum menerima sebarang laporan berhubung perkara itu.

"Setakat ini, laporan mengenai perkara itu belum diperolehi. Bagaimanapun, maklumat mengenainya perlu diteliti untuk mengetahui apa sebenarnya yang dimaksudkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim," katanya.